



مجلس باندرايٰ کوانتن
MAJLIS BANDARAYA KUANTAN | KUANTAN CITY COUNCIL
Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan Pahang Darul Makmur
☎ 09-5121555 / 5121666 / 5052666 🌐 www.mbk.gov.my



#MajuTerusPahang

#Pahang 1st

Ruj. Kami : Bil.(105)dlm.MPK/KP:T/2-11 Jld .3
Tarikh : 28 Jun 2021

*Semua Pelesen dan Pemilik Perniagaan
Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Kuantan*

YH. Dato' Sri/ Dato' Indra/Dato' /Tuan/Puan,

**PEKELILING JABATAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN PELESENAN
BIL.02/2021 : PELAKSANAAN DAN GARIS PANDUAN KEMPEN TIADA BEG
PLASTIK DAN GARIS PANDUAN PEMBERIAN STRAW PENYEDUT MINUMAN
ATAS PERMINTAAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman YH. Dato' Sri/ Dato' Indra/Dato' /Tuan/Puan, Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-76 (MNKT-76) yang bersidang pada 18 November 2020 yang lalu telah bersetuju dengan cadangan daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) berkenaan "**Pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik oleh Pihak Berkuasa Tempatan**" yang bertujuan untuk mengurangkan pencemaran sisa plastik melalui penggunaan beg plastik sekali guna (beg jinjit) dan straw minuman plastik disamping untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dalam melestarikan alam sekitar.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan keseragaman pelaksanaan kempen ini di seluruh negara, bersama-sama ini disertakan **Garis Panduan Pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik beserta Garis Panduan Pemberian Straw / Penyedut Minuman Atas Permintaan** dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2022.

4. Kerjasama dan perhatian YH. Dato' Sri/ Dato' Indra/Dato' /Tuan/Puan, berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"KUANTAN BANDARAYA INDAH LESTARI"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO HAMDAN BIN HUSSIN, DIMP., SAP., AAP., AMP.)

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuantan

s.k

1. YB. Setiausaha Kerajaan Pahang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
Wisma Sri Pahang
25503 Kuantan

Edaran dalaman :-

1. Setiausaha
2. Pengarah Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan
3. Pengarah Jabatan Penguatuasaan
4. Ketua Seksyen Undang-Undang
5. Ketua Seksyen Perhubungan Awam dan Korporat
6. Fail Timbul

Garis Panduan Pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik

1. Definisi dan Konsep

- Kempen Tiada Beg Plastik merujuk kepada kutipan caj minimum 0.20 sen bagi setiap helaian beg plastik (hidrokarbon atau biodegradable / compostable) yang dibekalkan kepada pelanggan di kaunter bayaran premis perniagaan. Hasil kutipan daripada jualan beg plastik tersebut mestilah diserahkan oleh peniaga / peruncit kepada kerajaan negeri melalui PBT.
- Beg plastik merujuk kepada sebarang bentuk jinjit yang dihasilkan menggunakan bahan plastik (*biodegradable* atau *non-biodegradable*) yang nipis serta fleksibel, yang mempunyai pemegang atau tidak, yang disediakan oleh pihak premis perniagaan untuk tujuan mengisi barang pembelian yang dibekalkan kepada pelanggan di kaunter bayaran.

2. Punca Kuasa

- Punca kuasa yang diguna pakai bagi pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik adalah melalui syarat tambahan permohonan baharu atau pembaharuan lesen perniagaan di bawah perniagaan di bawah peruntukan Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu :-
 - "**Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.**"
- Berdasarkan sub-seksyen ini, PBT mempunyai kuasa untuk mewajibkan premis perniagaan untuk mengutip caj ke atas beg plastik bagi pihak Kerajaan Plastik.

3. Skop Pelaksanaan

- Premis perniagaan yang wajib melaksanakan Kutipan Kempen Tiada Beg Plastik adalah terdiri daripada semua premis perniagaan sedia ada dan premis perniagaan baharu yang akan mula beroperasi dalam kategori berikut :-
 - a) Pasar Raya *Hyper (Hypermarket)*
 - b) Pasar Raya Besar (*Supermarket*)
 - c) Pasar Raya Serbaneka (*Department Store*)
 - d) Kedai Serbaneka (*Convenient Store*)
 - e) Restoran Makanan Segera (*Fast Food Restaurant*)
 - f) Kedai Serbaneka Stesen Minyak (*Petrol Station Convenient Store*)
 - g) Kedai Rangkaian (*Chain Store*)
 - h) Farmasi (*Pharmacy*) dan
 - i) Lain-lain premis perniagaan berkaitan yang akan dimasukkan ke dalam senarai pada masa akan datang (*others*).
- Setiap premis perniagaan yang disenaraikan perlu mendaftar dengan PBT mengikut lokasi premis masing-masing untuk mengisyiharkan sama ada akan membekalkan atau tidak membekalkan beg plastik kepada pelanggan.
- Premis perniagaan yang memohon lesen premis perniagaan di dalam kawasan pentadbiran PBT perlu berdaftar dengan PBT dan seterusnya.
- Premis perniagaan sedia ada yang telah beroperasi perlu diberi tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Kerajaan Negerai untuk mengambil tindakan , contohnya 30 hari dari tarikh permulaan pelaksanaan di setiap negeri.
- Setiap premis perniagaan baharu yang baru memulakan perniagaan pada tarikh bermula atau selepas pelaksanaan caj pencemaran di negeri terlibat perlu serta-merta mendaftar dengan PBT

- Satu pendaftaran adalah untuk satu premis perniagaan. Perniagaan yang mempunyai cawangan perlu mendaftarkan setiap cawangan secara individu berdasarkan lesen premis perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT
- Setiap pendaftaran atau pembaharuan perlu menggunakan BORANG CP-A (LAMPIRAN 1) mengikut PBT masing-masing dan disertakan bersama sesalinan dokumen :-
 - a) **Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**
 - b) **Lesen Premis Perniagaan**
- Setiap premis perniagaan akan diberikan **NOMBOR PENDAFTARAN KHUSUS** yang perlu digunakan sebagai rujukan bagi setiap urusan yang melibatkan Kempen Tiada Beg Plastik.
- Nombor pendaftaran yang diberikan adalah unik bagi setiap permohonan mengikut daerah dan jenis premis. Nombor pendaftaran yang diberikan akan KEKAL dengan premis selagi ianya masih beroperasi di lokasi yang sama. Pendaftaran baharu perlu dibuat sekiranya perniagaan berpindah.
- Setiap maklumat premis yang berdaftar mesti direkodkan dalam **DAFTAR PREMIS xxxxxxxx** di setiap PBT. Maklumat yang perlu dimasukkan dalam daftar ini adalah sebagaimana maklumat yang diberikan oleh pemohon dalam BORANG CP-A
- **Daftar ini perlu dikemaskini setiap kali terdapat pendaftaran baharu dan pembaharuan pendaftaran** oleh pemohon. Daftar yang dikemas kini perlu diserahkan kepada BPEN setiap suku tahun untuk simpanan rekod.

- Setiap premis perniagaan yang berdaftar dengan PBT akan diberikan **SIJIL KEBENARAN MELAKSANAKAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK (LAMPIRAN 2)** yang membenarkan premis perniagaan membuat kutipan caj ke atas beg plastik pada kadar minimum RM0.20 bagi setiap helaian beg plastik yang dibekalkan di kaunter bayaran kepada pelanggan.
- Setiap helaian **SIJIL KEBENARAN MELAKSANAKAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK** yang dikeluarkan mesti dikawal dan direkodkan dalam **DAFTAR PREMIS xxxxxx**.
- **SIJIL KEBENARAN MELAKSANAKAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK** adalah eksklusif kepada perniagaan atau premis yang memohon dan tidak boleh dipinjam atau dipindah milik kepada mana-mana perniagaan atau premis lain
- **SIJIL KEBENARAN MELAKSANAKAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK** mesti dipamerkan dengan jelas untuk dilihat oleh pelanggan sebagai bukti kebenaran membuat kutipan caj bagi setiap helai beg plastik yang dikeluarkan kepada pelanggan
- Hanya premis perniagaan yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk membuat kutipan caj ke atas beg plastik.
- Premis perniagaan yang membuat kutipan tanpa berdaftar dengan PBT akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 melalui pembatalan lesen premis perniagaan.
- Pendaftaran hanya sah untuk tempoh satu (1) tahun dan perlu diperbaharui apabila tamat tempoh yang ditetapkan.
- Tempoh sah laku **SIJIL KEBENARAN MELAKSANAKAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK** akan diselaraskan ke tarikh tamat Lesen Premis Perniagaan.

- Pendaftarn premis bagi melaksanakan Kempen Tiada Beg Plastik ini perlu diperbaharui setiap tahun sebagai satu syarat bagi proses pembaharuan lesen perniagaan.

4. KAEADAH SERAHAN KUTIPAN

- Setiap premis perniagaan yang telah berdaftar untuk melaksanakan Kempen Tiada Beg Plastik dibenarkan untuk mengenakan caj minimum sebanyak RM0.20 bagi setiap helai beg plastik yang dibekalkan kepada pelanggan di premis perniagaan semasa membuat bayaran.
- Kutipan terkumpul ke atas caj beg plastik di premis perniagaan terlibat perlu diserahkan kepada PBT selewat-lewatnya pada 15 hari bulan setiap bulan berikutnya.
- Serahan kutipan mesti dibuat secara individu mengikut premis perniagaan yang didaftarkan.
- Serahan kutipan perlu menggunakan BORANG CP-S beserta maklumat inventori stok beg plastik perniagaan dan dikemukakan di kaunter bayaran PBT yang berkaitan.
- Serahan kutipan perlu dibuat secara tunai atau menggunakan cek atas nama PBT mengikut kawasan premis perniagaan didaftarkan.
- Premis yang mempunyai lebih dari satu cawangan di dalam satu PBT yang sama dibenarkan membuat serahan secara tunai atau menggunakan satu cek secara bersekali. Walau bagaimanapun, BORANG CP-S masih perlu diisi berasingan mengikut premis yang didaftarkan.
- PBT akan mengeluarkan resit sebagai bukti penerimaan serahan kutipan beg plastik dari premis perniagaan. Bukti serahan kutipan juga akan dijadikan syarat bagi memperbaharui lesen premis perniagaan.

5. PENGECUALIAN KUTIPAN

- Premis perniagaan yang berdaftar dengan PBT untuk melaksanakan Kempen Tiada Beg Plastik tetapi tidak lagi membekalkan beg plastik kepada pelanggan perlu membuat pengisytiharan semula dan juga membuat serahan bulanan kepada PBT menggunakan BORANG CP-S dengan deklarasi **TIADA KUTIPAN**.
- Premis perniagaan yang menyerahkan BORANG CP-S dengan deklarasi **TIADA KUTIPAN** selama tiga (3) bulan berturut-turut boleh memohon kepada PBT bagi pengecualian daripada membuat serahan kutipan secara bulanan untuk bulan-bulan yang berikutnya dengan mengisi **BORANG CP-F.(LAMPIRAN 4)**
- Semakan akan dilaksanakan oleh PBT di premis perniagaan yang mengemukakan permohonan pengecualian kutipan bagi tujuan pengesahan bahawa premis berkenaan tidak lagi membekalkan beg plastik kepada pengguna.
- Premis perniagaan yang telah disahkan tidak membekalkan beg plastik kepada pelanggan yang akan diberikan **SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK SEKALI GUNA (LAMPIRAN 5)**
- Premis perniagaan perlu menyerahkan SIJIL KEBENARAN MELAKSANAKAN TIADA BEG PLASTIK kepada PBT sebagai syarat untuk digantikan dengan SIJIL PREMIS BEBAS PLASTIK SEKALI GUNA yang perlu dipamerkan di premis perniagaan.
- Premis yang telah diberikan SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK SEKALI GUNA tidak perlu lagi membuat serahan kutipan bulanan kepada PBT.
- SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK SEKALI GUNA perlu diperbaharui setiap tahun oleh premis perniagaan setelah ianya tamat tempoh.

6. PENUTUP

- Garis Panduan Pelaksanakan Kempen Tiada Beg Plastik oleh Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan berdasarkan Garis Panduan Pengaruhkuasaan Kempen Hari Tiada Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang 2017 dan maklumat sedia ada. Setiap kerajaan negeri berhak meminda dan menambah baik garis panduan ini berdasarkan keperluan, selagi mana ia tidak bertentangan dengan tujuan utama kutipan caj pencemaran ini dibuat.

PENDAFTARAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK

1. NAMA PERNIAGAAN :	<input type="text"/>										
2. NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN :	<input type="text"/>										
3. ALAMAT PREMIS :	<input type="text"/>										
4. PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI :	<input type="text"/>										
5. NO. TELEFON :	<input type="text"/>					6. NO. FAX :	<input type="text"/>				
7. EMEL :	<input type="text"/>										
8. JENIS PENDAFTARAN :	<input type="checkbox"/>	PENDAFTARAN PERTAMA	<input type="checkbox"/>	PEMBAHARUAN	[SILA TANDAKAN (/)]						
9. NO. PENDAFTARAN KEMPEN :	<input type="text"/>					[BAGI PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SAHAJA]					
10. KOD JENIS PREMIS :	<input type="checkbox"/>	[BAGI PENDAFTARAN PERTAMA SAHAJA]									

KOD-KOD PREMIS	
H	Hypermarket
S	Supermarket
D	Departmental Store
C	Convenient Store
F	Fast Food Restaurant
P	Petrol Station Convenient Store
R	Chain Store
Y	Pharmacy
O	Others

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

NO PENDAFTARAN : NO SIRI SIJIL : TARIKH TAMAT PENDAFTARAN : / /

TANDATANGAN & COP RASMI

LAMPIRAN 2

NO. SIRI:

SIJIL PENYERTAAN PREMIS KEMPEN TIADA BEG PLASTIK

NAMA PERNIAGAAN :


NO. PENDAFTARAN :
PERNIAGAAN

ALAMAT PREMIS :

NO PENDAFTARAN :
PREMIS

TARIKH SAH SIJIL :

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHWA PREMIS PERNIAGAAN INI MERUPAKAN PESERTA DALAM KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA. SEHUBUNGAN ITU, CAJ MINIMUM RM0.20 YANG DIKENAKAN BAGI PENGGUNAAN SETIAP HELAIAN BEG PLASTIK OLEH PENGGUNA AKAN DISALURKAN KEPADA KERAJAAN NEGERI UNTUK KEGUNAAN AKTIVITI KESEJAHTERAAN RAKYAT SERTA ALAM SEKITAR NEGERI.



**BORANG SERAHAN KUTIPAN
KEMPEN TIADA BEG PLASTIK**

1. NAMA
PERNIAGAAN:

<input type="text"/>																			
<input type="text"/>																			
<input type="text"/>																			

2. NO. PENDAFTARAN
PERNIAGAAN :

<input type="text"/>					
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

3. SERAHAN BAGI:

BULAN: TAHUN:

4. JUMLAH SERAHAN:

RM 5. NO CEK:

6. REKOD INVENTORI BULANAN UNIT PENGGUNAAN BEG PLASTIK:

BULAN: <input type="text"/>	TAHUN: <input type="text"/>
BAKI AWAL	<input type="text"/>
+ TAMBAHAN INVENTORI	<input type="text"/>
- PENGGUNAAN BULAN SEMASA	<input type="text"/>
BAKI AKHIR	<input type="text"/>

Nota: Amaun serahan mesti selaras dengan penggunaan bulan semasa.

.....
TANDATANGAN & COP
RASMI PERNIAGAAN

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

NO. RESIT

:

.....
TANDATANGAN & COP RASMI

**BORANG PENGESAHAN
PREMIS BEBAS BEG PLASTIK**

1. NAMA
PERNIAGAAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

2. NO.
PENDAFTARAN
PERNIAGAAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

3. ALAMAT PREMIS :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

4. AKUAN PREMIS :

SAYA BAGI PIHAK SYARIKAT/PREMIS MEMBUAT AKUAN BAHWA PREMIS YANG BERDAFTAR DI ATAS TIDAK MEMBEKALKAN BEG PLASTIK DALAM SETIAP TRANSAKSI YANG DIJALANKAN. SEBARANG PERUBAHAN DALAM TRANSAKSI SEKIRANYA MELIBATKAN PENGGUNAAN BEG PLASTIK PADA MASA HADAPAN AKAN DIMAKLUMKAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN.

.....
TANDATANGAN &
COP RASMI

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

SYOR : LULUS / GAGAL

TARIKH TAMAT PENDAFTARAN :

[] / [] / []
dd mm yyyy

PEGAWAI PENGESAH :

PEGAWAI PELULUS :

.....
TANDATANGAN & COP RASMI

.....
TANDATANGAN & COP RASMI

NO. SIRI:

SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK

NAMA PERNIAGAAN :


NO. PENDAFTARAN
PERNIAGAAN :

ALAMAT PREMIS :

NO PENDAFTARAN
PREMIS :

TARIKH SAH SIJIL :

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA PREMIS PERNIAGAAN YANG TERTERA DI ATAS ADALAH PREMIS BEBAS BEG PLASTIK DAN MERUPAKAN RAKAN HIJAU KERAJAAN MALAYSIA. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, TIADA BEG PLASTIK YANG AKAN DIBEKALKAN UNTUK SEBARANG TRANSAKSI DI PREMIS INI.



GARIS PANDUAN PEMBERIAN STRAW/PENYEDUT MINUMAN ATAS PERMINTAAN

1.0 TUJUAN

Pemberian straw/penyedut minuman atas permintaan merupakan inisiatif untuk mendidik dan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tentang kesan jangka panjang penggunaan plastik sekali guna khususnya straw/penyedut minuman terhadap kesihatan manusia dan kelestarian alam sekitar. Premis-premis yang menjalankan perniagaan tidak perlu memberikan straw/penyedut minuman plastik kecuali atas permintaan. Straw/penyedut minuman disediakan adalah secara percuma dengan mengambil kira kepada keadaan pengguna contohnya, orang kelainan upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak atau orang yang mempunyai penyakit kronik yang memerlukan straw/penyedut minuman untuk minum. Garis Panduan Pemberian Straw/Penyedut Minuman Atas Permintaan ini bertujuan untuk memberi maklumat asas dan rujukan kepada semua pemegang taruh termasuk kerajaan-kerajaan negeri dalam mengambil pendekatan bersatu dan kolektif dalam pelaksanaan mentadbir urus plastik sekali guna.

2.0 LATAR BELAKANG

Straw/penyedut minuman merupakan antara plastik sekali guna yang banyak menyumbang kepada pencemaran alam sekitar. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Alam Sekitar & Air telah melancarkan Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Plastik Sekali Guna, 2018 – 2030 pada 17 Oktober 2018, yang mana antara inti pati utamanya adalah pengenalan Kempen Tiada Beg Plastik iaitu pengenaan caj ke atas beg plastik pada kadar minimum 20 sen, serta pemberian straw/penyedut minuman hanya atas permintaan pelanggan.

3.0 OBJEKTIF

Objektif pemberian straw/penyedut minuman atas permintaan:

- (i) mengurangkan jumlah penggunaan straw/penyedut minuman dan penghasilan sisa plastik dihanyutkan ke laut; dan
- (ii) mendidik dan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat dalam memelihara alam sekitar yang bebas dari pencemaran plastik.

4.0 KAE DAH PELAKSANAAN

Amalan pemberian straw/penyedut minuman atas permintaan boleh dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Straw/penyedut minuman hanya diberikan kepada pelanggan di atas permintaan tanpa sebarang caj; dan
- (ii) Peniaga diminta menampal notis / iklan berkaitan amalan pemberian straw/penyedut minuman atas permintaan.

5.0 PENUTUP

- 5.1 Garis Panduan Pemberian Straw/Penyedut Minuman Atas Permintaan diwujudkan sebagai maklumat asas dan rujukan kepada semua pemegang taruh termasuk kerajaan-kerajaan negeri dalam melaksanakan amalan pemberian straw/penyedut minuman atas permintaan. Setiap kerajaan negeri berhak meminda dan menambah baik garis panduan ini berdasarkan keperluan, selagi mana ia tidak bertentangan dengan objektif asal garis panduan ini.